

ETS hero keretapi antara bandar

Sinar 9/6/13 MSL7.



Perkhidmatan ETS yang disediakan KTMB mendapat sambutan hangat pengguna kerana masa perjalanan yang pendek dan kemudahan selesa.

CONNIE S MONICAL

BEBERAPA tahun lalu, keretapi bukanlah pilihan perjalanan jarak jauh utama kerana faktor tempoh perjalanan yang panjang tetapi kini makin ramai yang memilih *Electric Train Service* (ETS), iaitu perkhidmatan keretapi yang disediakan Keretapi Tanah Melayu Bhd (KTMB) sejak 2010 kerana ianya lebih cepat dan menjimatkan masa.

Pemodenan perkhidmatan KTMB itu disambut baik pengguna dan memberi nafas baru kepada KTMB yang bakal menyambut ulang tahun ke-128, bulan ini.

ETS, perkhidmatan rel komuter berkelajuan tinggi dengan kelajuan operasi maksimum 140 kilometer sejam mampu memuatkan maksimum 350 orang penumpang dalam setiap gerabak.

Pengurus Besar KTMB Antara Bandar, Mohd Zain Mat Taha berkata, ETS adalah satu pembaharuan yang memberikan kemudahan kepada penumpang dengan memendekkan tempoh perjalanan, kelajuan lebih baik dan penggunaan tenaga elektrik yang mesra alam.

"Buat masa ini, kami mempunyai lima set gerabak ETS untuk 22 perkhidmatan sedia ada.



“Bagaimanapun, sasaran KTMB adalah untuk menyediakan landasan berkembar dari Padang Besar sehingga ke Johor Baharu. Manakala untuk ke kawasan pantai timur, kami belum lagi membuat perancangan setakat ini.”

Mohd Zain

kini sedang membina infrastruktur landasan berkembar bagi laluan baru ke Padang Besar, Perlis yang dijangka siap sepenuhnya pada 2015.

dan Kuala Lumpur ke Ipoh. Bagaimanapun, laluan lain menggunakan perkhidmatan kereta api koc masih beroperasi seperti biasa.

Mohd Zain berkata, selain Padang Besar, KTMB juga dalam proses menyiapkan landasan berkembar secara berperingkat dari Seremban ke Gemas yang juga dijangka siap lewat 2014 atau awal 2015.

Mengulas berhubung pelaksanaan perkhidmatan ETS ke seluruh landasan KTMB untuk menambah laluan pada masa akan datang, Mohd Zain berkata, keputusan itu bergantung kepada perancangan kerajaan.

“Bagaimanapun, sasaran KTMB



"KTMB dengan kerjasama kerajaan telah memesan 10 set ETS baru bernilai purata RM8 juta seunit untuk menampung kapasiti perkhidmatan pada masa akan datang," katanya dalam pertemuan eksklusif dengan *Sinar Harian*.

Selain ETS, perkhidmatan KTMB antara bandar turut beroperasi menggunakan kereta api biasa.

Bagi meluaskan laluan ETS ke seluruh negara pada masa akan datang, Mohd Zain berkata, KTMB

Landasan berkembar ke Padang Besar, Gemas

Landasan berkembar yang dibina akan menggantikan laluan tunggal dan memberikan kemudahan laluan tanpa pertembungan kereta api yang menyebabkan tempoh perjalanan tertangguh.

Menurutnya, buat masa ini, perkhidmatan ETS hanya beroperasi bagi laluan Ipoh ke Kuala Lumpur

Dagang dan Ipoh, sasaran KTMB adalah untuk menyediakan landasan berkembar dari Padang Besar sehingga ke Johor Bahru.

"Manakala untuk ke kawasan pantai timur, kami belum lagi membuat perancangan setakat ini," katanya.

Yakin jumlah penumpang meningkat

Menurutnya, dalam usaha untuk memberikan kemudahan yang lebih baik, syarikatnya juga akan membina semula stesen baru di lokasi berhampiran stesen sedia ada atau menambah baik stesen lama secara berperingkat di semua stesen yang melibatkan laluan landasan berkembar.

KTMB menerima sambutan yang menggalakkan daripada penumpang dengan wujudnya perkhidmatan ETS.

Berdasarkan statistik 2012, jumlah penumpang ETS telah meningkat sehingga 30 peratus daripada 1.3 juta tahun lalu manakala perkhidmatan kereta api koc antara bandar naik 10



peratus daripada 1.2 juta tahun lalu.

"Tahun ini kami turut menyasarkan peningkatan 30 peratus iaitu kepada 1.5 juta penumpang menjelang akhir tahun ini yang didorong dengan peningkatan perkhidmatan dan kemudahan," katanya.

Bakal tawar tiket mingguan

Mohd Zain berkata, pengangkutan KTMB antara bandar turut menarik tumpuan pelancong asing dengan mencatatkan 400,000 jumlah penumpang asing yang datang dari Singapura, Thailand, Jepun dan Timur Tengah.

Bagi menghargai pengguna kerap perkhidmatan pengangkutan keretapi terbesar negara itu, KTMB juga ba-

kal memperkenalkan tiket mingguan pada suku ketiga tahun ini.

Mohd Zain berkata, ada segelintir pengguna KTMB antara bandar merupakan pengguna ETS yang berulang alik daripada Kuala Lumpur ke Ipoh setiap hari dan penerimaan itu berikutan adanya kemudahan yang selesai, tepat dan menjimatkan masa.

Katanya, tempoh masa laluan Kuala Lumpur ke Ipoh kini telah dapat dipendekkan kepada dua jam lebih.

"Sejajar dengan moto kami, Menepati Masa, Sepanjang Masa, ketepatan masa adalah menjadi keutamaan.

"Kadar ketepatan masa kereta api KTMB kini di antara 96 peratus dan kami akan terus berusaha untuk menambah baik perkhidmatan dari masa ke semasa," katanya.

KTMB akan memperkenalkan tiket mingguan bagi pengguna kerap ETS tahun ini.